


SILA SEMAK SEMASA UCAPAN



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HUANG TIONG SII
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL ALAM KITA SARIKEI 2024
10 JULAI 2024 (SABTU)**

**DEWAN SENTRAL SARIKEI,
SARIKEI, SARAWAK**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

1. Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan
Kelestarian Alam
2. Dif jemputan kehormat dari Sarawak (1)
3. Dif jemputan kehormat dari Sarawak (2)
4. Dif jemputan kehormat dari Sarawak (3)
5. Ketua-ketua Jabatan Negeri, Persekutuan dan Agensi di
bawah NRES;
6. Pegawai-Pegawai Kanan NRES;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Selamat petang, Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani,
Salam Sarawakku Sayang dan Salam Sarawak Maju
Makmur.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada hadirin sekalian untuk bersama-sama hadir memeriahkan Majlis Perasmian Karnival Alam Kita Sarikei 2024 di Dewan Sentral Sarikei pada hari ini.
2. Sebagai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), saya amat berbesar hati mengalu-alukan semua yang hadir bagi menjayakan agenda kelestarian negara melalui platform Karnival Alam Kita ini.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang taruh, dan setiap warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan agensi di bawahnya yang telah menjayakan penganjuran Karnival Alam Kita ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman semua, objektif penganjuran Karnival Alam Kita ini adalah bagi meningkatkan dan mempromosikan kesedaran orang awam tentang amalan kelestarian selain memperkukuh kolaborasi NRES dengan para pemegang taruh Kementerian.
5. Penganjuran Karnival Alam Kita ini juga merupakan satu lambang komitmen Kerajaan MADANI dan NRES akan memastikan khazanah alam yang diamanahkan kepada kita semua hari ini kekal lestari untuk generasi akan datang.
6. Jika diteliti, tiga daripada enam tonggak utama nilai strategik kerangka dasar Malaysia MADANI seperti Kemampanan, Daya Cipta dan Kesejahteraan ini berkait rapat dengan fungsi NRES sebagai sebuah Kementerian yang diberi tanggungjawab menaungi pelbagai portfolio yang merangkumi pengurusan sumber asli dan alam sekitar, menggalakkan pertumbuhan dan inovasi industri teknologi hijau; serta inisiatif-inisiatif mendepani perubahan iklim di peringkat nasional dan antarabangsa.

7. Oleh itu, NRES telah mengambil langkah untuk ‘turun padang’ bersama jabatan dan agensi, serta pemegang taruh utama melalui wadah karnival ini, dengan matlamat memupuk nilai-nilai budaya hijau kepada masyarakat dan meningkatkan literasi kelestarian alam sekitar orang awam melalui Kempen Gaya Hidup Hijau yang telah dilancarkan oleh NRES awal tahun ini.

8. Selain daripada menjadi platform untuk Kementerian mendidik orang awam, penganjuran karnival ini juga memberi ruang kepada NRES untuk mendapatkan input dan maklum balas di peringkat akar umbi untuk NRES menambah baik perkhidmatan Kementerian dan Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi di bawahnya.

Hadirin sekalian,

9. Dalam era pembangunan pesat dan global, kita perlu memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi tidak mengorbankan kesihatan dan kesejahteraan alam sekitar kita.

10. Sebagai Kementerian yang diamanahkan sebagai 'penjaga' khazanah bumi Malaysia ini, kami di NRES melihat Karnival Alam Kita ini lebih daripada sekadar penganjuran acara, tetapi sebagai simbol komitmen Kementerian yang memerlukan sokongan dan maklum balas daripada semua penduduk setempat untuk meningkatkan tahap kesedaran umum tentang amalan-amalan gaya hidup hijau dan lestari yang boleh dipupuk di peringkat akar umbi.

11. Sebagai sebuah negara yang komited terhadap pembangunan lestari, Kementerian telah memperkenalkan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) yang bertujuan memastikan pembangunan ekonomi, sosial, dan budaya berjalan seiring dengan pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar. Dasar Alam Sekitar Negara menggariskan langkah-langkah pengurusan yang holistik bagi pengawalan pencemaran udara, air, dan tanah, serta penilaian impak alam sekitar (EIA).

12. Selain itu, buat pengetahuan umum, NRES juga kini sedang berusaha memenuhi sasaran negara bebas plastik melalui Pelan Hala Tuju Malaysia ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030. Pelan ini bertujuan untuk secara beransur-ansur menghapuskan penggunaan plastik sekali guna di Malaysia. Usaha ini termasuk menggantikan plastik sekali guna dengan bahan-bahan mesra alam, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesan negatif plastik, serta mendorong penggunaan teknologi hijau dalam pengeluaran produk. Pelbagai program kesedaran telah dilaksanakan, selain menyediakan alternatif yang lebih lestari untuk kegunaan harian

13. Selaras dengan penganjuran Karnival Alam Kita ini, pelbagai aktiviti yang berteraskan kelestarian alam diketengahkan antaranya *Green Jobs Screening* dan pameran perkhidmatan Jabatan dan Agensi di bawah NRES. Saya berharap para hadirin tidak melepaskan peluang menimba ilmu dan pengalaman berharga dari segala program pembudayaan amalan lestari dan gaya hidup hijau yang diketengahkan di karnival ini.

Hadirin sekalian,

14. Kami di NRES komited dalam menangani isu perubahan iklim melalui perangkaan Dasar Perubahan Iklim yang komprehensif. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita untuk menangani perubahan iklim, kita juga telah menetapkan hala tuju untuk mencapai sifar karbon menjelang tahun 2050. Ini termasuk usaha mengurangkan penggunaan bahan api fosil, meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, dan mempromosikan teknologi hijau.

15. Di Sarawak misalnya, pelbagai inisiatif sedang dijalankan untuk menyokong hala tuju ini, termasuk pembangunan projek tenaga solar dan hidroelektrik serta program pemuliharaan hutan yang lebih agresif. Usaha-usaha ini penting dalam memastikan bahawa kita dapat mencapai sasaran sifar karbon dan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan lestari.

16. Saya juga suka untuk menyentuh tentang Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2020-2025 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara dan memulihara kawasan hutan. Untuk Pengetahuan semua, kita telah berjaya menanam sebanyak 35 juta pokok sebagai sebahagian daripada kempen ini dan Sarawak berada di tangga pertama berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen kita untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan memulihkan ekosistem terjejas.

17. Sarawak juga memainkan peranan penting melalui pemeliharaan hutan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi menyumbang kepada usaha global dalam menangani perubahan iklim melalui Sumbangan Ditetapkan Negara (NDC). Di bawah Perjanjian Paris, kita telah berjanji untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% pada tahun 2030 berbanding tahap pada tahun 2005. Usaha ini melibatkan pelbagai sektor termasuk tenaga, pengangkutan, dan pertanian.

Hadirin sekalian,

18. Mengambil peluang kita dapat berkumpul bersama-sama di majlis ini, saya ingin menyeru anda semua untuk menggunakan peluang hari ini sebaik mungkin untuk kita bersama-sama sebagai sebuah komuniti untuk menyokong agenda pengurusan sumber asli yang lestari, usaha memelihara kelestarian alam untuk Malaysia yang sedang dijayakan oleh NRES.

19. Semua usaha ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama dan penglibatan aktif daripada semua pihak, merangkumi semua kerajaan, sektor swasta, NGO, dan masyarakat umum. Saya mengajak semua untuk terus berusaha dan menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kita. Hanya dengan usaha bersama, kita dapat mencapai matlamat pembangunan lestari dan memastikan kesejahteraan alam sekitar untuk generasi akan datang.

20. Akhir kata, saya berharap semoga karnival ini memberi manfaat dan meningkatkan kesedaran kita semua tentang pentingnya memelihara alam sekitar. Saya dengan ini, merasmikan Majlis Karnival Alam Kita 2024.

Sekian, terima kasih.